



KERAJAAN MALAYSIA

PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2020

**TATACARA PELAKSANAAN SUMBANGAN WAKAF TUNAI
MELALUI POTONGAN GAJI SECARA SUKARELA BAGI PEGAWAI
AWAM YANG BERKHIDMAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN
NEGERI**

**JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA**

14 Disember 2020

Diedarkan kepada:

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Setiausaha Kerajaan Negeri
Pihak Berkuasa Berkanun Wilayah Persekutuan
Pihak Berkuasa Tempatan Wilayah Persekutuan

PEKELILING AM BILANGAN 1 TAHUN 2020

**TATACARA PELAKSANAAN SUMBANGAN WAKAF TUNAI
MELALUI POTONGAN GAJI SECARA SUKARELA BAGI PEGAWAI
AWAM YANG BERKHIDMAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN DAN
NEGERI**

TUJUAN

1. Pekeliling Am ini bertujuan memaklumkan Ketua Jabatan dan pegawai awam mengenai pelaksanaan sumbangan wakaf tunai melalui potongan gaji secara sukarela bagi pegawai awam yang berkhidmat di Wilayah Persekutuan dan Negeri.

TAFSIRAN

2. Bagi maksud pemakaian Pekeliling Am ini:

- a) "Ketua Jabatan" ertinya pegawai yang bertanggungjawab bagi sesuatu Kementerian/Jabatan/Agenzi Persekutuan dan Negeri;
- b) "Pegawai Awam" ertinya pegawai awam Persekutuan yang dilantik secara tetap dan kontrak;
- c) "Wilayah Persekutuan" ertinya Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya; dan
- d) "Negeri" ertinya Negeri-Negeri selain daripada Wilayah Persekutuan;
- e) "Wakaf Am" ertinya wakaf yang digunakan bagi tujuan umum dan tiada syarat yang ditetapkan oleh pewakaf;

LATAR BELAKANG

3. Mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan Baitulmal Kebangsaan pada 25 Mac 2006 telah bersetuju mewujudkan entiti wakaf bagi menguruskan hal ehwal wakaf di peringkat Persekutuan. YABhg. Tun Abdullah bin Hj Ahmad Badawi yang merupakan Perdana Menteri pada ketika itu telah bersetuju agar usaha dan idea ini dilaksanakan segera bagi memantapkan lagi pengurusan wakaf di Malaysia.

4. Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah ditubuhkan pada 23 Julai 2008 dibawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] dan didaftarkan di Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (JPM).

5. Mesyuarat Ahli Lembaga Pemegang Amanah YWM Siri 1 Bilangan 1 Tahun 2008 bertarikh 25 Jun 2008 telah meluluskan Pelaksanaan Wakaf Tunai Malaysia oleh YWM.

6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pada 5 Januari 2009 telah meluluskan kod potongan gaji Wakaf Tunai Malaysia kepada YWM bagi membolehkan penjawat awam membuat sumbangan wakaf melalui potongan gaji menerusi kod 4474.

7. Keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-77 yang bersidang pada 10 hingga 12 April 2007 telah memutuskan bahawa berwakaf dalam bentuk wang tunai adalah dibolehkan di dalam Islam.

8. Pelaksanaan sumbangan wakaf melalui potongan gaji **secara sukarela** adalah bertujuan untuk:

- a) Memudahkan masyarakat khususnya pegawai awam untuk menunaikan ibadah wakaf;
- b) Meningkatkan bilangan pewakaf di kalangan pegawai awam;
- c) Meningkatkan kutipan wakaf tunai menerusi kaedah potongan gaji secara bulanan bagi membantu pembangunan sosio ekonomi ummah dan golongan memerlukan;
- d) Menjadi panduan kepada agensi-agensi bukan Kerajaan yang lain.

9. Semua sumbangan wakaf melalui potongan gaji diklasifikasikan sebagai wakaf am.

SKOP

10. Pekeliling Am ini hanya terpakai kepada Kementerian/Jabatan/Agenzi Persekutuan untuk dilaksanakan ke atas pegawai awam yang bertugas di Wilayah Persekutuan dan Negeri.

PELAKSANAN

11. YWM akan mengemukakan surat pemakluman pelaksanaan sumbangan wakaf tunai melalui potongan gaji secara sukarela bagi pegawai awam yang berkhidmat di Wilayah Persekutuan dan Negeri (seperti di **Lampiran A**) kepada Ketua Jabatan untuk diedarkan.

12. Permohonan membuat sumbangan wakaf melalui potongan gaji boleh dilakukan melalui dua (2) kaedah:

12.1 Secara Manual:

- a) Pegawai awam melengkapkan **Borang YWM:PG1 – Borang Kebenaran Potongan Gaji Wakaf Tunai Malaysia** (seperti di **Lampiran B**) dan menyerahkan kepada Ketua Jabatan. Borang ini disediakan dalam dua (2) salinan yang bertanda “Salinan Yayasan Waqaf Malaysia” dan “Salinan Majikan”; dan
- b) Borang YWM:PG1 bertanda “Salinan Yayasan Waqaf Malaysia” yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan perlu dikemukakan semula kepada YWM sama ada melalui menerusi faks/pos/e-mel. Manakala **Borang YWM:PG1** bertanda “Salinan Majikan” adalah untuk simpanan Ketua Jabatan pegawai awam berkenaan.

12.2 Secara Atas Talian (*Online*):

- a) Pegawai awam boleh membuat permohonan sumbangan wakaf melalui potongan gaji dengan

mendaftar terlebih dahulu di Sistem Wakaf Tunai Malaysia pada pautan www.ywm.gov.my/app; dan

- b) Pegawai awam perlu mencetak ‘**Borang Potongan Gaji Wakaf Tunai Malaysia (Salinan Majikan)**’ yang telah lengkap diisi seperti di **Lampiran D** dan mengemukakan borang tersebut kepada Ketua Jabatan masing-masing dalam tempoh 15 hari selepas borang lengkap diisi. Bagi pegawai awam yang memilih kaedah ini, majikan tidak perlu mengemukakan borang tersebut kepada YWM dan borang tersebut hanya untuk simpanan majikan.

13. Setelah menerima borang tersebut daripada pegawai awam, Ketua Jabatan hendaklah memproses borang-borang tersebut berdasarkan tatacara/peraturan Kerajaan berkuat kuasa bagi membolehkan JANM membuat pembayaran sumbangan wakaf kepada YWM.

14. JANM akan membuat potongan gaji pegawai awam berkenaan di bawah kod 4474 – YAYASAN WAQAF MALAYSIA dan menghantar kepada YWM maklumat-maklumat yang berkaitan seperti nama, nombor kad pengenalan, jumlah potongan wakaf dan jabatan pegawai-pegawai awam berkenaan menggunakan *webmethod* ke Sistem Wakaf Tunai Malaysia.

15. YWM akan memproses potongan gaji bulanan yang diterima daripada JANM dan akan menghantar resit penerimaan kepada JANM.

16. Pegawai Awam boleh menyemak sumbangan wakaf atau memuat turun Penyata Rasmi Wakaf Tunai Malaysia di Sistem Wakaf Tunai Malaysia.

17. Bagi memudahkan rujukan Ketua Jabatan mengenai tatacara pelaksanaan Pekeliling Am ini, Carta Alir Pelaksanaan Sumbangan Wakaf Melalui Potongan Gaji turut adalah dilampirkan seperti di **Lampiran E**.

PEMAKAIAN

18. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, peruntukan Pekeliling Am ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Ketua Setiausaha Kementerian, semua Ketua Jabatan Persekutuan, semua Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Berkanun Wilayah Persekutuan.

TARIKH KUATKUASA

19. Pekeliling Am ini berkuat kuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

PERTANYAAN

20. Sebarang pertanyaan mengenai Pekeliling Am ini boleh ditujukan kepada:

Bahagian Pemasaran dan Penyelarasang
Yayasan Waqaf Malaysia
Aras 8, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3
62100 Putrajaya
Telefon : + (6) 03-8871 0800
Faks : + (6) 03-8861 0803
Emel : info@ywm.gov.my
Laman Web : www.ywm.gov.my

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(TAN SRI MOHD ZUKI BIN ALI)
Ketua Setiausaha Negara

LAMPIRAN A



Yayasan Waqaf Malaysia (PPAO-02/2008)
Ara 8, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya
Jalan Tun Abdul Razak, Precinct 3
62100 Putrajaya, Malaysia

Tel : 03-8871 0800
Fax : 03-8861 0803
Email : info@ywm.gov.my
Web : www.ywm.gov.my

Rujukan :
Tarikh :

**Ketua Jabatan Berkenaan
(Alamat)**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Ir. / Tuan / Puan,

PELAKSANAAN SUMBANGAN WAKAF TUNAI MALAYSIA MELALUI POTONGAN GAJI

Dengan segala hormatnya, Pekeliling adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) telah ditubuhkan oleh Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) pada 23 Julai 2008 di bawah Akta Pemegang Amanah (Pemerbadanan) 1952 [Akta 258] dengan fungsi utamanya adalah untuk membantu Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dalam membangunkan hartaanah wakaf sedia ada, mewujudkan wakaf baru dan memperkasakan sosio-ekonomi ummah melalui instrumen wakaf. Bagi tujuan ini, Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) pada 5 Januari 2009 telah meluluskan kod potongan gaji (4474) kepada YWM bagi memudahkan Penjawat Awam Persekutuan menyumbang kepada Wakaf Tunai Malaysia secara bulanan.

3. Justeru, sokongan dari semua pegawai awam dalam membantu merealisasikan usaha ini amatlah diharapkan. YWM amat berbesar hati sekiranya pihak YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Ir. / tuan / puan dapat menguar-uarkan mengenai perkara ini kepada semua pegawai awam di bawah Pengurusan YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Ir. / tuan / puan sebagai salah satu galakan untuk mereka menyumbang kepada Wakaf Tunai Malaysia anjuran YWM.

Perhatian dan pertimbangan positif pihak YBhg. Tan Sri / Datuk / Dato' / Datin / Dr. / Ir. / tuan / puan dalam perkara ini amatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,

Ketua Pegawai Eksekutif

LAMPIRAN B



Yayasan Waqaf Malaysia

Aras 8, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3, 62100 Putrajaya.

No Tel: 03-88710800 No Faks: 03-88610803

Laman Web: www.ywm.gov.my Emel: info@ywm.gov.my

YWM:PG1



BORANG KEBENARAN POTONGAN GAJI WAKAF TUNAI MALAYSIA

BAHAGIAN A:MAKLUMAT PEWAKAF											
No. Kad Pengenalan						No. Gaji Kakitangan					
<input type="text"/>						<input type="text"/>					
Nama		:									
Alamat Pejabat		:									
										
										
Alamat Surat-Menyurat										
										
										
No. Telefon (P) :						No. Faks :					
No. Telefon (B) :						Emel :					

BAHAGIAN B:POTONGAN WAKAF												
<p>Saya dengan ini membenarkan gaji bulanan saya dipotong bagi maksud sumbangan Wakaf Tunai Malaysia bermula pada bulan..... tahun.....berjumlah:</p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td><input type="checkbox"/> Ringgit Malaysia (RM)</td> <td style="text-align: center; width: 100px;">_____.</td> <td style="text-align: center; width: 100px;">_____.</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Penambahan sebanyak (sebulan)*</td> <td style="text-align: center;">_____.</td> <td style="text-align: center;">_____.</td> </tr> <tr> <td><input type="checkbox"/> Pengurangan sebanyak (sebulan)*</td> <td style="text-align: center;">_____.</td> <td style="text-align: center;">_____.</td> </tr> </table> <p>JUMLAH POTONGAN SEBULAN (RM)</p> <table style="margin-left: auto; margin-right: auto;"> <tr> <td style="text-align: center; width: 100px;">_____.</td> <td style="text-align: center; width: 100px;">_____.</td> </tr> </table> <p>*Pewakaf baru tidak perlu mengisi ruangan ini kecuali membuat perubahan jumlah pembayaran</p>		<input type="checkbox"/> Ringgit Malaysia (RM)	_____.	_____.	<input type="checkbox"/> Penambahan sebanyak (sebulan)*	_____.	_____.	<input type="checkbox"/> Pengurangan sebanyak (sebulan)*	_____.	_____.	_____.	_____.
<input type="checkbox"/> Ringgit Malaysia (RM)	_____.	_____.										
<input type="checkbox"/> Penambahan sebanyak (sebulan)*	_____.	_____.										
<input type="checkbox"/> Pengurangan sebanyak (sebulan)*	_____.	_____.										
_____.	_____.											
<p>Untuk Kegunaan Pejabat:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. Tarikh Daftar SWTM: 2. MAIN: 3. Nama Pegawai: <table style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <tr> <td style="width: 50%;">.....</td> <td style="width: 50%;">.....</td> </tr> <tr> <td>Tandatangan Pegawai</td> <td>Tarikh</td> </tr> </table>		Tandatangan Pegawai	Tarikh							
.....											
Tandatangan Pegawai	Tarikh											
<p>PENYATAAN WAKAF</p> <p>"Saya dengan ini mewakafkan wang tunai secara potongan gaji bulanan melalui Skim Wakaf Tunai Malaysia bagi:</p> <ul style="list-style-type: none"> <input type="checkbox"/> Diri saya sebanyak RM (sebulan) <input type="checkbox"/> Almarhum / Almarhumah <ul style="list-style-type: none"> a) sebanyak RM (sebulan) b) sebanyak RM (sebulan) <input type="checkbox"/> Suami / Isteri sebanyak RM (sebulan) <input type="checkbox"/> Lain-lain (nyatakan) sebanyak RM (sebulan) <p>dan mewakil serta mengamanahkan kepada Yayasan Waqaf Malaysia untuk menukarkannya kepada mana-mana harta kekal demi kebaikan dan kepentingan agama Islam dan umatnya kerana Allah SWT untuk selama-lamanya".</p> <p>Tarikh:..... Tandatangan:.....</p>												

LAMPIRAN C

PANDUAN PELAKSANAAN SUMBANGAN WAKAF TUNAI MELALUI POTONGAN GAJI

1. Tindakan Pegawai Awam

1.1. Pegawai awam boleh memilih mana-mana kaedah berikut:

- i. Permohonan secara manual:
 - a) Melengkapkan **Borang YWM:PG1 – Borang Kebenaran Potongan Gaji Wakaf Tunai Malaysia;** dan
 - b) Menyerahkan borang tersebut kepada Ketua Jabatan.
- ii. Permohonan secara atas talian (*online*):
 - a) Mendaftar masuk di Sistem Wakaf Tunai Malaysia dan melengkapkan maklumat permohonan potongan gaji; dan
 - b) Mencetak '**Borang Potongan Gaji Wakaf Tunai Malaysia (Salinan Majikan)**' dan mengemukakan borang tersebut kepada Ketua Jabatan masing-masing dalam tempoh 15 hari selepas borang lengkap diisi.

1.2. Pegawai awam boleh memuat turun Penyata Rasmi Wakaf Tunai Malaysia di Sistem Wakaf Tunai Malaysia.

2. Tindakan Jabatan

- 2.1. Bagi permohonan secara manual, Borang YWM:PG1 bertanda “Salinan Yayasan Waqaf Malaysia” yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan perlu dikemukakan semula kepada YWM sama ada melalui menerusi faks/pos/ e-mel; dan
- 2.2. Memproses borang-borang tersebut berdasarkan tatacara / peraturan Kerajaan berkuat kuasa bagi membolehkan JANM membuat pembayaran sumbangan wakaf kepada YWM.

3. Tindakan JANM

- 3.1. Membuat potongan gaji pegawai-pegawai awam berkenaan di bawah kod 4474 – YAYASAN WAQAF MALAYSIA; dan
- 3.2. Menghantar kepada YWM maklumat-maklumat yang berkaitan seperti nama, nombor kad pengenalan, jumlah potongan wakaf dan jabatan pegawai-pegawai awam berkenaan menggunakan *webmethod* ke Sistem Wakaf Tunai Malaysia.

4. Tindakan YWM

- 4.1. Mengemukakan surat pemakluman Pelaksanaan Sumbangan Wakaf Tunai Malaysia Melalui Potongan Gaji kepada Ketua Jabatan untuk diedarkan;
- 4.2. Memproses potongan gaji bulanan yang diterima daripada JANM; dan
- 4.3. Mengeluarkan dan menghantar resit penerimaan kepada JANM.

5. Makluman

Sebarang perubahan maklumat peribadi, sila maklumkan kepada YWM dengan menghubungi talian 03-88710800 atau log masuk dan kemaskini di Sistem Wakaf Tunai Malaysia.

LAMPIRAN D

<p> YAYASAN WAQAF MALAYSIA (PPAU-022008) Arau 8, Blok D, Kompleks Islam Putrajaya, Jalan Tun Abdul Razak, Presint 3 62100 Putrajaya Tel : 03-8871 0800 Faks : 03-8861 0803 www.ywm.gov.my</p> <p>BORANG POTONGAN GAJI WAKAF TUNAI MALAYSIA</p> <p>BAHAGIAN A : MAKLUMAT PEWAKAF</p> <table border="0"><tr><td>No. Kad Pengenalan</td><td>:</td><td>8510190 [REDACTED]</td></tr><tr><td>No. Ahli</td><td>:</td><td>YWM20171763</td></tr><tr><td>No. Gaji Kakitangan</td><td>:</td><td>2224434</td></tr><tr><td>Nama</td><td>:</td><td>ABDUL RAHMAN BIN AUF</td></tr><tr><td>Bahagian</td><td>:</td><td>JABATAN BIOKESELAMATAN</td></tr><tr><td>Alamat</td><td>:</td><td>LOT 116, FELDA SUNGA KOYAN 3, SUNGA KOYAN 27650, PAHANG</td></tr><tr><td>No. Telefon (P)</td><td>:</td><td>0380008000</td></tr><tr><td>No. Telefon (B)</td><td>:</td><td>0134257621</td></tr><tr><td>No. Faks</td><td>:</td><td>0380008001</td></tr><tr><td>Emel</td><td>:</td><td>abdul.auf@gmail.com</td></tr></table> <p>BAHAGIAN B : POTONGAN GAJI</p> <p>بسم الله الرحمن الرحيم</p> <p>Saya dengan ini membenarkan gaji bulanan saya dipotong dan diwakafkan bagi maksud sumbangan Wakaf Tunai Malaysia bermula bulan Januari tahun 2019 kepada YAYASAN WAQAF MALAYSIA bagi:</p> <table border="0"><tr><td>1. DIRI SENDIRI</td><td style="text-align: right;">RM5.00</td></tr><tr><td>2. SUAMISTERI : ASMA BINT SALAMA</td><td style="text-align: right;">RM5.00</td></tr><tr><td>3. ALMARHUMALMARHUMAH : IBUBAPA DAN MERTUA</td><td style="text-align: right;">RM10.00</td></tr><tr><td>4. LAIN-LAIN : ANAK-ANAK</td><td style="text-align: right;">RM30.00</td></tr></table> <p>JUMLAH : RM50.00</p> <p>Dan mewakil serta mengamanahkan kepada Yayasan Waqaf Malaysia untuk manukarkannya kepada mana-mana harta kekal demi kebaikan dan kepentingan agama Islam dan umatnya kerana Allah untuk selama-lamanya.</p> <p>Nota :</p> <p>1) Pewakaf dikehendaki mengemukakan borang permohonan ini ke unit gaji masing-masing. 2) Unit gaji dipohn mengembalikan borang yang telah disahkan kepada Yayasan Waqaf Malaysia 3) Tarikh bermula potongan gaji adalah tertakluk kepada keputusan Jabatan Akauntan Negara Malaysia / Majikan Syarikat</p>	No. Kad Pengenalan	:	8510190 [REDACTED]	No. Ahli	:	YWM20171763	No. Gaji Kakitangan	:	2224434	Nama	:	ABDUL RAHMAN BIN AUF	Bahagian	:	JABATAN BIOKESELAMATAN	Alamat	:	LOT 116, FELDA SUNGA KOYAN 3, SUNGA KOYAN 27650, PAHANG	No. Telefon (P)	:	0380008000	No. Telefon (B)	:	0134257621	No. Faks	:	0380008001	Emel	:	abdul.auf@gmail.com	1. DIRI SENDIRI	RM5.00	2. SUAMISTERI : ASMA BINT SALAMA	RM5.00	3. ALMARHUMALMARHUMAH : IBUBAPA DAN MERTUA	RM10.00	4. LAIN-LAIN : ANAK-ANAK	RM30.00	<p>SALINAN MAJIKAN</p> <p></p> <p>COP MAJIKAN</p> <p>Sila Tandakan :</p> <p><input type="checkbox"/> KERAJAAN (KOD 4474) <input checked="" type="checkbox"/> SWASTA</p> <p>(Pembayaran potongan gaji ini berlaku sehingga dimaklumkan oleh kakitangan)</p> <p>Cetakan ini adalah cetakan berkomputer. Tiada tanda tangan diperlukan</p> <p>22/02/2019</p>
No. Kad Pengenalan	:	8510190 [REDACTED]																																					
No. Ahli	:	YWM20171763																																					
No. Gaji Kakitangan	:	2224434																																					
Nama	:	ABDUL RAHMAN BIN AUF																																					
Bahagian	:	JABATAN BIOKESELAMATAN																																					
Alamat	:	LOT 116, FELDA SUNGA KOYAN 3, SUNGA KOYAN 27650, PAHANG																																					
No. Telefon (P)	:	0380008000																																					
No. Telefon (B)	:	0134257621																																					
No. Faks	:	0380008001																																					
Emel	:	abdul.auf@gmail.com																																					
1. DIRI SENDIRI	RM5.00																																						
2. SUAMISTERI : ASMA BINT SALAMA	RM5.00																																						
3. ALMARHUMALMARHUMAH : IBUBAPA DAN MERTUA	RM10.00																																						
4. LAIN-LAIN : ANAK-ANAK	RM30.00																																						

LAMPIRAN E

**CARTA ALIR PELAKSANAAN SUMBANGAN WAKAF TUNAI
MELALUI POTONGAN GAJI**

TINDAKAN

TANGGUNGJAWAB

Mengemukakan surat pemakluman pelaksanaan sumbangan wakaf tunai melalui potongan gaji secara sukarela bagi pegawai awam yang berkhidmat di Wilayah Persekutuan dan Negeri kepada Ketua Jabatan untuk diedarkan.

YWM

Melengkapkan Borang YWM:PG1 – Borang Kebenaran Potongan Gaji Wakaf Tunai Malaysia;
ATAU

Mendaftar masuk di Sistem Wakaf Tunai Malaysia dan melengkapkan maklumat permohonan potongan gaji.

Pegawai Awam

Menyerahkan borang yang telah lengkap diisi kepada Ketua Jabatan;

ATAU

Mencetak ‘Borang Potongan Gaji Wakaf Tunai Malaysia (Salinan Majikan)’ dan mengemukakan borang tersebut kepada Ketua Jabatan.

Pegawai Awam dan Ketua Jabatan

Memproses borang-borang tersebut berdasarkan tatacara/peraturan Kerajaan berkuat kuasa bagi membolehkan JANM membuat pembayaran sumbangan wakaf kepada YWM.

Ketua Jabatan



Mengemukakan Borang YWM:PG1 bertanda “Salinan Yayasan Waqaf Malaysia” yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan kepada YWM (bagi permohonan secara manual).

Ketua Jabatan



Membuat potongan gaji pegawai-pegawai awam berkenaan di bawah kod 4474 – YAYASAN WAQAF MALAYSIA.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia



Menghantar kepada YWM maklumat-maklumat yang berkaitan menggunakan *webmethod* ke Sistem Wakaf Tunai Malaysia.

Jabatan Akauntan Negara Malaysia




Memproses potongan gaji bulanan yang diterima daripada JANM dan menghantar resit penerimaan kepada JANM.

YWM



Memuat turun Penyata Rasmi Wakaf Tunai Malaysia di Sistem Wakaf Tunai Malaysia.

Pegawai Awam



Tamat